

Jenis Akhbar : Utusan Online  
Tarikh : 19/01/2017  
Edisi / Muka Surat : [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)

## MSSB jalin kerjasama dengan Malindo Air

NORLIZA MOHAMAD ZAKARIA | 19 Januari 2017 5:03 PM



*ABDUL Fattah Abdullah (dua kiri) menyaksikan Naib Presiden ANGKASA, Datuk Kamarudin Ismail (dua kiri) dan Pengarah Komunikasi dan Perhubungan Awam Malindo Airways Sdn Bhd, Raja Sa'adi Raja Amrin (dua kanan) pada majlis Menandatangani Memorandum Kerjasama Antara MyAngkasa Services Sdn Bhd, dengan Kayworld Travel & Tours Sdn Bhd dan Malindo Airways Sdn Bhd di Auditorium ANGKASA, di Kuala Lumpur, hari ini. - UTUSAN ONLINE/AZLAN HADI ABU BAKAR*

PETALING JAYA 19 Jan. - Anak syarikat milik Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), MyAngkasa Services Sdn. Bhd. (MSSB) hari ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Malindo Airways Sdn. Bhd. (Malindo Air), bagi menjalin kolaborasi dua hala.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, menerusi kolaborasi tersebut, anggota koperasi di bawah naungan Angkasa berpeluang menikmati perkhidmatan penerbangan Malindo Air dengan tawaran harga istimewa.

“Koperasi turut berpeluang menjana pendapatan tambahan menerusi jualan tiket hasil daripada kerjasama tersebut dengan mendaftar sebagai ejen jualan,” katanya pada majlis yang diadakan di Wisma Ungku A. Aziz, Kelana Jaya di sini.

Pada majlis itu, MSSB turut melantik Kayworld Travel & Tours Sdn. Bhd. bagi membantu mengendalikan segala urusan berhubung pelantikan ejen koperasi yang mendaftar sebagai ejen kerjasama itu. - UTUSAN ONLINE